

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA
BIL. 2/2023

**PENYERAGAMAN PENGURUSAN PERMIT BAHAN BATUAN DI NEGERI
MELAKA DI ANTARA SEMUA PENTADBIR TANAH DAERAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah dan Pendaftar mengenai keputusan yang telah dipersetujui oleh Pengarah Tanah dan Galian, Melaka melalui Mesyuarat Penyeragaman Pengurusan Permit Bahan Batuan Di Negeri Melaka di antara semua Pentadbir Tanah Daerah Bil. 1/2022 yang telah bersidang pada 23 Disember 2022 dan disahkan pada 30 Disember 2022.

1. TUJUAN

Tujuan penyeragaman pengurusan permit bahan batuan di Negeri Melaka dibuat adalah untuk diselaraskan di antara semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Melaka untuk digunapakai supaya ianya lebih teratur dan selaras dengan mematuhi peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara [Akta 828].

2. PENYELARASAN TEMPOH BAYARAN ROYALTI

- 2.1 Bayaran royalti permit bahan batuan dan lain-lain bayaran yang diluluskan perlu dijelaskan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah.
- 2.2 Sekiranya tiada pembayaran dibuat dalam tempoh masa tersebut, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengeluarkan surat pembatalan bagi kelulusan permit bahan batuan itu.
- 2.3 Permohonan rayuan perlu dikemukakan sebelum pembatalan kelulusan dan Pentadbir Tanah Daerah boleh memberikan kelulusan lanjutan sehingga tempoh tiga puluh (30) hari dalam tahun semasa.
- 2.4 Pentadbir Tanah Daerah perlu menyelaraskan semula tempoh dan kuantiti kelulusan bahan batuan kepada pemohon sekiranya berlaku

kelewatan pembayaran royalti bersesuaian dengan tempoh masa sehingga penghujung tahun semasa.

- 2.5 Format surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah perlulah menggunakan format seperti di **Lampiran A**.

3. ANSURAN BAYARAN ROYALTI

3.1 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN 28A/06/2015 yang bersidang pada 13 Mei 2015 dan disahkan pada 27 Mei 2015 telah bersetuju untuk meluluskan permohonan kelulusan dasar bagi bayaran ansuran royalti pengeluaran bahan batuan (pasir / batu granite) dalam Negeri Melaka oleh Syarikat Melaka Bekal Sdn. Bhd. dengan syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1.1 Bagi kuantiti 100,000 meter padu / 175,000 metrik tan, ansuran dibenarkan 4 kali dalam tempoh permit selama 12 bulan.
- 3.1.2 Bagi kuantiti 50,000 meter padu / 87,500 metrik tan ke bawah tidak dibenarkan membayar secara ansuran.
- 3.1.3 Pembayaran ansuran hendaklah secara berkala iaitu tidak melebihi dari tempoh tamat permit yang diluluskan.
- 3.1.4 Bayaran deposit 20% perlu dijelaskan sekaligus berdasarkan perkiraan kuantiti keseluruhan yang diluluskan manakala bayaran doket pengeluaran (buku kupon) adalah mengikut kuantiti meter padu secara ansuran.
- 3.1.5 Hanya satu (1) sahaja Borang 4Ce (Jadual Keenam Belas – Permit Untuk Memindah Bahan Batuan) yang dikeluarkan kepada pemohon dan catatan perlu dibuat ke atas Borang 4Ce yang sama bagi setiap bayaran ansuran yang dibayar bagi pemohon yang membuat bayaran secara ansuran bagi setiap kelulusan permit.

4. TARIKH KUATKUASA PERMIT BAHAN BATUAN

- 4.1 Tarikh kuatkuasa permit bahan batuan bermula pada tarikh bayaran royalti oleh pemohon kepada Pentadbir Tanah Daerah tanpa mengambil kira tarikh penerimaan doket oleh pemohon.
- 4.2 Buku doket daripada Pentadbir Tanah Daerah perlu dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon sebaik sahaja bayaran royalti dijelaskan.

5. TUNTUTAN WANG CAGARAN

- 5.1 Tempoh tuntutan wang cagaran hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat sesuatu permit bahan batuan.

6. PEMULANGAN BAYARAN ROYALTI

- 6.1 Bayaran royalti boleh dikembalikan kepada pemohon sekiranya tiada kerja-kerja dijalankan sehingga tamat tempoh sesuatu permit dan perlu diangkat kepada Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi (JKBB) untuk kelulusan.

7. FORMAT KERTAS RENCANA JAWATANKUASA PECAH SEMPADAN DAN BELAH BAHAGI

- 7.1 Pemakaian format kertas rencana Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi (JKBB) yang akan digunakan oleh semua Pentadbir Tanah Daerah adalah seperti di **Lampiran B**.

8. PENYEDIAAN LAPORAN TANAH DAN MENDAPATKAN ULASAN DARIPADA AGENSI TEKNIKAL OLEH PEMOHON

- 8.1 Semua permohonan baharu permit bahan batuan perlu disertakan dengan laporan tanah yang diseragamkan serta ulasan teknikal

daripada jabatan / agensi selaras dengan keputusan Mesyuarat Inovasi Pentadbiran Tanah Negeri Melaka Bilangan 3 Tahun 2022.

- 8.2 Format laporan tanah yang akan digunakan oleh pemohon adalah seperti di **Lampiran C**.


9. PEMANTAUAN BAHAN BATUAN NEGERI MELAKA

- 9.1 Pentadbir Tanah Daerah perlu mengemukakan atau mengemaskini laporan kelulusan permit bahan batuan secara berkala setiap bulan di dalam aplikasi semasa yang digunakan atau secara manual kepada Pengarah Tanah dan Galian, Melaka.

Arahan ini hendaklah mula berkuat kuasa serta merta. Pentadbir Tanah dan Pendaftar diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam melaksanakan arahan ini.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MD AZHAN BIN SAMAT)
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka.

Tarikh : 8 Februari 2023